

PELAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI NEGARA

Laman Utama Tentang PSPTN CAP Penerbitan Keratan Akhbar Soalan Lazim Hubungi PMO

PSPTN : TENTANG PSPTN

PSPTN ialah singkatan yang digunakan untuk merujuk kepada Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

Pelan Tindakan ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan dan pencapaian bagi projek-projek yang ditetapkan, di IPT - universiti awam, politeknik dan kolej komuniti. Keterlibatan IPTS bagaimanapun wujud melalui pelaksanaan dasar, usaha menjamin kualiti, latihan kepimpinan dan usaha-usaha yang menyokong Perkongsian Awam-Swasta (*Private Public Partnership*) di bawah RMKe-10.

PSPTN dibentuk berdasarkan Teras 2 dalam Rancangan Malaysia ke-9, yang jelas menyatakan bahawa untuk mencapai Wawasan 2020, Negara perlu meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama.

PSPTN digubal dengan hasrat untuk melahirkan modal insan untuk menyokong teras Misi Nasional dalam meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama.

Terdapat 4 Fasa Pelaksanaan PSPTN:

- Fasa 1 (2007 - 2010): Peletakan Asas
- Fasa 2 (2011 - 2015): Peningkatan dan Pemeraksanaan
- Fasa 3 (2016 - 2020): Kecemerlangan
- Fasa 4 (melangkaui 2020): Kegemilangan dan Kelestarian

Malahan, terdapat 7 Teras dalam PSPTN:

- *Meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti.*
- *Menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran.*
- *Memperteguh penyelidikan dan inovasi.*
- *Memperkasakan institusi pengajian tinggi*
- *Mempergiatkan pengantarabangsaan.*
- *Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat.*
- *Mengukuhkan sistem penyampaian KPT.*

Kesemua teras ini menggariskan matlamat dan sasaran pengajian tinggi negara.

Bagi pelaksanaan Fasa 1 PSPTN, sebuah dokumen Pelan Tindakan Fasa 1 telah diwujudkan untuk menggariskan inisiatif yang perlu dilaksanakan untuk menjayakan objektif strategik yang telah digariskan.

Beberapa Projek Agenda Kritikal (*CAP; Critical Agenda Project*) telah diwujudkan untuk mencapai hasrat PSPTN. Pendekatan pengurusan projek telah diambil melalui pengwujudan kumpulan-kumpulan projek pada peringkat sentral dan pada pihak pelaksana di IPT.

Pelaksanaan dipantau rapi oleh Pejabat Pengurusan Program di KPT, yang bekerjasama dengan pejabat pengurusan program peringkat institusi (IPMO) di semua IPTA.

Tiada hubungan satu-ke-satu (*one-to-one*) antara CAP dan teras strategik. Terdapat kes-kes di mana pencapaian sesuatu CAP akan memenuhi hasrat beberapa teras sekaligus, atau pun beberapa CAP akan memenuhi kehendak sesuatu teras yang spesifik.

Pada asasnya, pencapaian dan keberhasilan terkumpul kesemua CAP yang akan membawa kepada pencapaian hasrat 7 teras PSPTN.

Terdapat 5 tonggak institusi yang diberi penekanan dalam PSPTN; iaitu Tadbir Urus, Kepimpinan Akademia; Pembelajaran dan Pengajaran; dan Penyelidikan dan Pembangunan. Kesemua 5 tonggak ini dijadikan sebagai CAP, yang disokong dan berinteraksi dengan 18 CAP yang lain; menjadikan bilangan CAP (sehingga Jun 2011) sebanyak 23, yang terdiri daripada:

1. Tadbir Urus (*Governance*)
2. Kepemimpinan (*Leadership*)
3. Akademia (*Academia*)
4. Pembelajaran dan Pengajaran (*Learning & Teaching*)
5. Penyelidikan dan Pembangunan (*Research & Development*)
6. Pengantarabangsaan (*Internationalization*)
7. Industri-Akademia (*Industry - Academia*)
8. Kebolehpasaran Siswazah (*Graduate Employability*)
9. Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)
10. Pembangunan Holistik Pelajar (*Holistic Student Development*)
11. Jaminan Kualiti (*Quality Assurance*)
12. Transformasi Politeknik (*Polytechnic Transformation*)
13. Aksesibiliti dan Kelestarian (*Accessibility & Sustainability*)
14. MyBrain 15
15. Program Pemajuan Ke Arah Kecemerlangan (*Annex*)



16. e-Pembelajaran (*e-Learning*)
17. Sistem Penyampaian Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (*MOHE Delivery System*)
18. Pembelajaran Sepanjang Hayat (*Life Long Learning*)
19. *Top Business School (TBS)*
20. Pusat Kecemerlangan (*Center of Excellence*)
21. Keusahawanan (*Entrepreneurship*)
22. Transformasi Kolej Komuniti (*Community College*)
23. Program Pemindahan Pengetahuan (*Knowledge Transfer Program*)

Semua IPTA perlu melaksanakan inisiatif-inisiatif tertentu bagi semua CAP yang telah ditetapkan pelaksanaannya di IPTA. Walau bagaimanapun, sasaran yang telah ditetapkan bagi setiap IPT bergantung rapat dengan beberapa faktor, seperti kematangan universiti tersebut, kemampuan sumber dan intelek, infrastruktur, dan sebagainya.

Keterlibatan Politeknik dan Kolej Komuniti amat penting dan ketara dalam PSPTN, terutama dalam konteks teras yang berkaitan dengan perluasan akses dan pembelajaran sepanjang hayat. Dalam Fasa 2 pula, keutamaan dan kepentingan yang diletakan kepada TEVT menjadikan peranan dan sumbangan Politeknik dan Kolej Komuniti semakin penting.